

TEKS UCAPAN
KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN,
NAIB CANSELOR UniMAP
SEMPENA ANUGERAH SERI GEMILANG UNIMAP 2006
PADA 2 MAC 2007 DI DEWAN 2020

Mengadap Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis,Tuanku Canselor UniMAP dan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis.

Ampun tuanku, sembah patik mohon di ampun,

Terlebih dahulu patik bagi seluruh warga kerja Universiti Malaysia Perlis ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas perkenan Duli Tuanku berdua kerana sudi bercemar duli berangkat ke Anugerah Seri Gemilang UniMAP 2006 pada malam ini. Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku pada malam ini amat besar ertinya buat kami semua di universiti ini.

Ampun tuanku,

Izinkan patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang hadir.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Shahidan Bin Kassim, Menteri Besar Perlis dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri.

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI (DR) SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI BESAR PERLIS DAN YANG AMAT BERBAHAGIA DATIN SERI.**

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI CHE SULAIMAN SHAFIE, SPEAKER
DEWAN UNDANGAN NEGERI PERLIS DAN YANG BERBAHAGIA DATIN.**

**YANG BERHORMAT TUAN HAJI ISMAIL OSMAN, SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI PERLIS DAN YANG BERBAHAGIA ISTERI.**

**YANG BERHORMAT DATO' MUSTAPA MOHAMED, MENTERI PENGAJIAN
TINGGI MALAYSIA DAN YANG BERBAHAGIA DATIN.**

YANG BERBAHAGIA DATO' DR. ZULKEFLI A. HASSAN, KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA DAN Y.BHG. DATIN.

YANG BERBAHAGIA TAN SRI DR. SYED JALALUDIN SYED SALIM, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti dan Yang Berbahagia Puan Sri.

YANG BERBAHAGIA KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN, NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS DAN YANG BERBAHAGIA DATIN.

AHLI – AHLI YANG BERHORMAT DAN ISTERI.

AHLI – AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI.

DIF – DIF KEHORMAT.

PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA UNIMAP.

DEKAN – DEKAN DAN KETUA – KETUA JABATAN UNIMAP.

AHLI – AHLI MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UNIMAP.

WAKIL-WAKIL MEDIA.

SETERUSNYA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

Yang Berhormat Dato' Hj Che Sulaiman Shafie, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis

Yang Berhormat Tuan Hj Ismail Osman, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

YANG BERBAHAGIA DATO' DR. ZULKEFLI A. HASSAN, KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA, WAKIL YANG BERHORMAT MENTERI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA DAN Y.BHG. DATIN.

Ahli – Ahli Yang Berhormat Dan Isteri. Dif – Dif Kehormat.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon Md Shakaff, Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa)

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi)

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP. Dekan – Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan, Wakil-Wakil Media, Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala yang tidak putus-putus bermurah hati memanjangkan usia, mengurniakan kesempurnaan akal, menganugerahkan kesihatan jasad dan memberikan keupayaan hingga membolehkan kita semua sekali lagi berhimpun dan bertemu di Anugerah Seri Gemilang UniMAP 2006 pada malam ini.

Sebelum meneruskan ucapan, sukacita saya, bagi pihak pengurusan dan seluruh warga kerja Universiti Malaysia Perlis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Shahidan Bin Kassim, Menteri Besar Perlis kerana sudi hadir ke majlis ini.

Ucapan terima kasih juga dititipkan buat semua dif-dif kehormat kerana sudi meluangkan masa dan melapangkan diri untuk memeriahkan lagi majlis malam ini. Ucapan syabas dan tahniah saya ucapkan kepada seluruh anggota jawatankuasa majlis pelancaran ini kerana menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha mencanai idea, mensinergikan tenaga, menyempurnakan kerja, menzahirkan upacara, sehingga program ini terlaksana dengan penuh adab dan jayanya.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Kecemerlangan bukanlah suatu perkara yang mudah dicapai tanpa adanya usaha dan pengorbanan yang tinggi. Semangat dan iltizam untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang kadang kala memerlukan seseorang individu itu bergerak dengan penuh kesungguhan dan tinggi dalam mencapai kejayaan dalam setiap pekerjaan yang dilakukannya. Seharusnya semangat seperti ini perlu diserapkan di dalam diri setiap warga UniMAP agar misi dan visi universiti yang disasarkan dapat dicapai dengan jayanya.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada kakitangan universiti ini yang akan dianugerahkan Anugerah Khidmat Cemerlang bagi tahun 2006 di atas kecemerlangan kerja yang ditunjukkan oleh mereka. Sesungguhnya kejayaan ini adalah hasil usaha gigih yang disemai secara sistematik melalui iltizam dan kesedaran untuk memberi perkhidmatan yang bermutu dan komited. Semoga mereka ini akan dapat mengekalkan dan mempertingkatkan lagi kecemerlangan yang telah dipersembahkan serta menjadi pendorong kepada kakitangan lain untuk terus berjaya pada masa hadapan.

Dalam dunia moden yang penuh dengan cabaran pada hari ini, kita tidak boleh berpeluk tubuh dan melihat segala-galanya berlaku di depan mata. Perkhidmatan kita selaku pengeluar tenaga mahir dalam bidang kejuruteraan yang juga bakal menjadi pemimpin negara perlu bergerak seiring dengan kemajuan dan pembangunan negara. Kita tidak hanya boleh datang ke pejabat pada setiap hari dan membuat kerja-kerja rutin tanpa ada usaha untuk meningkatkan lagi mutu kerja di samping memperbaiki kelemahan diri. Kita perlu menganggap bahawa pekerjaan yang dilakukan setiap hari merupakan tanggungjawab dan amanah kita kepada negara. Jadikanlah setiap pekerjaan yang dilakukan sebagai satu pengalaman yang menarik dan satu sumber kepuasan diri. Semangat inilah yang akan menjadikan kita lebih tekun dalam apa jua yang kita lakukan.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Dalam usaha kita mencapai mutu dan hasil kerja yang cemerlang, kita seharusnya tidak lupa akan kualiti sesuatu pekerjaan. Kualiti merujuk kepada darjah kecemerlangan, mutu atau sifat keunggulan. Mengutamakan kualiti bermakna memberi komitmen yang tinggi untuk memastikan pencapaian hari ini menjadi lebih baik daripada kelmarin dan esok akan menjadi lebih baik dari hari ini. Untuk meningkatkan kualiti kita sebagai sebuah IPTA yang menghasilkan jurutera mahir, pelbagai usaha perlu dilakukan seperti penetapan piawai ISO 9000, penerapan Konsep Pengurusan Kualiti Total (TQM), Proses Pembaikan Kualiti, Kawalan Kualiti Menyeluruh serta membuat aras perbandingan.

Malah kita perlu membuat pengukuran dan mewujudkan Petunjuk-Petunjuk Utama Prestasi atau Key Performance Indicators (KPI) dan menetapkan matlamat atau sasaran prestasi yang hendak dicapai. Hasil pengukuran tersebut sudah pasti akan memandu atau membantu

kita untuk menyediakan peluang kepada organisasi mengambil tindakan penambahbaikan bagi mengatasi kelemahan yang dikenalpasti serta memperkuuhkan kekuatan sedia ada bagi meningkatkan lagi prestasi secara berterusan.

Penekanan ke atas kualiti ini adalah satu kemestian bagi memastikan kelangsungan organisasi hari ini, malah menjadi asas untuk bersaing dengan IPTA lain yang telah lama bertapak di Malaysia. Mana-mana organisasi yang tidak mengambil berat terhadap kualiti mungkin akan ketinggalan atau gagal bersaing. Kualiti sebenarnya menjadi lambang, imej, reputasi dan kebanggaan organisasi di mata pemegang taruh atau *stake holders* dan juga pesaing-pesaing kita. Oleh itu kita sebagai sebuah IPTA yang membangunkan pendidikan berkualiti yang bertaraf dunia maka kualiti perlu dibudayakan dalam pekerjaan sehari-hari kita secara berterusan dan menyeluruh. *The quality drive is not a oneoff effort, but implicit in the organisation's culture and business practices and processes.*

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Salah satu kunci kejayaan UniMAP pada hari ini berasaskan kepada perhubungan yang erat di antara setiap warga universiti. Semangat kekeluargaan yang tersemat dalam diri setiap warga UniMAP telah menjadikan beban tugas yang dilaksanakan dipikul bersama-sama. Bak kata pepatah, *"yang ringan sama dijinjing, yang berat sama dipikul"*. Semangat inilah yang sebenarnya telah membawa banyak kejayaan kepada universiti ini. Misalnya baru-baru ini UniMAP telah menerima Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Peringkat Kebangsaan dan UniMAP menjadi satu daripada antara lima institusi sektor awam yang berjaya ke peringkat penilaian akhir. Pada 6 Februari 2007, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengisyiharkan bahawa UniMAP merupakan sektor awam yang ke-3 terbaik peringkat kebangsaan daripada aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada setiap warga UniMAP yang telah bertungkus lumus untuk memastikan kita sentiasa maju ke hadapan.

Akhir kata sebelum mengakhiri ucapan saya pada malam ini, saya ingin menyeru kepada seluruh warga UniMAP agar terus berusaha untuk menghasilkan yang terbaik dan cemerlang dalam setiap pekerjaan yang kita lakukan kerana maju mundurnya sesebuah organisasi seterusnya negara

bergantung pada kualiti tenaga manusia yang dimilikinya. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Shahidan Bin Kassim, Menteri Besar Perlis kerana sudi hadir ke majlis ini dan juga dif kehormat dan tetamu jemputan yang sentiasa menyokong keluarga UniMAP.

Ampun tuanku,

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata, patik sekali lagi mewakili seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga kepada ke bawah duli Tuanku kerana sudi bercemar duli berangkat ke majlis pada malam ini.

Patik sudahi ucapan ini dengan wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarak